

BAB KETIGA

PROSEDUR PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN DI MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH NARATHIWAT

3.1 PENDAHULUAN

Majlis Agama Islam Narathiwat (M.A.I.N) merupakan sebuah badan sosial yang bertanggungjawab secara langsung dalam menjaga dan mengawal perlaksanaan perkahwinan dan perceraian umat Islam di wilayah ini. Justeru itu, pihak M.A.I.N telah mengatur prosedur-prosedur yang berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian. Tujuan prosedur ini diadakan adalah untuk:⁴⁹

- I) Menjaga pasangan yang hendak berkahwin supaya dapat membentuk sebuah keluarga menurut hukum Islam yang sempurna dapat dipatuhi dengan betul.
- II) Mengawal (perkahwinan) pasangan dari unsur kekeliruan (*Syubahāt*) yang mungkin berlaku dalam soal rumah tangga.
- III) Mengeluarkan kenyataan atau dokumen secara sah dan diterima oleh mana-mana badan, yang berkaitan dengan undang-undang dalam dan luar negara

⁴⁹ Temu bual dengan Hj Daud bin Saman ketua badan Munakahat M.A.I.N pada 26 september 2001

3.2 Prosedur Perkahwinan

3.2.1 Prosedur Perkahwinan Bagi Warganegara Thai Yang Mempunyai

Wali nasab

Bagi setiap individu yang berwarga negara Thai ingin berkahwin di wilayah Narathiwat, ia mestilah memenuhi rukun-rukun dan syarat-syarat yang ditetapkan. Iaitu pengantin lelaki dan perempuan, wali dan saksi. Mereka hanya boleh melangsungkan perkahwinan di hadapan pendaftar rasmi (M.A.I.N) atau dihadapan imam qariah yang mempunyai tauliah dari M.A.I.N yang sekarang ini terdapat sejumlah 583 orang imam yang bertauliah di seluruh wilayah Narathiwat.⁵⁰

Sebelum perkahwinan dilangsungkan, pihak pendaftar atau imam akan melakukan sesi soal jawab terhadap beberapa perkara antaranya ialah :

- I. Menguji pengantin lelaki dan perempuan tentang pengetahuan fardhu ain atau rukun dan syarat-syarat perkahwinan dengan ditemuduga oleh pendaftar dan imam atau ianya dapat dibuktikan melalui sijil pernyataan kursus perkahwinan (jika ada).⁵¹
- II. Kedua-dua belah pihak pengantin itu mesti membuktikan tentang kesahihan mengenai warganegara, jantina dan status

⁵⁰ Dari kenyataan yang di tampalkan di M.A.I.N

⁵¹ walaupun pihak M.A.I.N tidak mewajibkan bakal pengantin ini kursus perkahwinan tetapi pihak M.A.I.N telah menggalakkan supaya pasangan yang ingin berkahwin mengikuti kursus yang di anjurkan oleh M.A.I.N secara percuma, sekiranya bakal pengantin yang tidak mengetahui pihak pendaftar akan mengajar pengantin terdahulu barulah langkah seterusnya diambil .

II. Kedua-dua belah pihak pengantin itu mesti membuktikan tentang kesahihan mengenai warganegara, jantina dan status perkahwinan mereka. Pengantin lelaki juga diwajibkan untuk mengemukakan

- I) Kad pengenalan
- II) Dua orang saksi
- III) Surat status perkahwinan

Manakala pengantin perempuan pula mesti mengemukakan:

- I) Kad pengenalan
- II) Wali atau wakil wali yang disertai dengan surat pengesahan.
- III) Surat izin berkahwin.
- IV) Surat cerai (jika pernah berkahwin)
- V) Surat kematian suami dan surat nikah asal dengan bekas suami.
- VI) Dua orang saksi⁵²

Pembuktian mengenai perkara di atas adalah untuk mengawasi atau mengelakkan dari berlakunya ketidaksahihan status diri bagi wanita yang ingin berkahwin. Ia juga bertujuan untuk memudahkan pihak pendaftar atau imam mengetahui dan mengesahkan status sama ada pengantin perempuan itu anak dara

⁵² Surat Yang Dipertua M.A.I.N kepada Imam 10/ 1/ 2536Bd kandungan Peristiwaran Mengenai peraturan nikah Cerai PM 1/2536

atau janda dengan memeriksa tarikh perceraian, tarikh kematian suami untuk memastikan tamatnya iddah dan sebagainya jika wanita tersebut berstatus janda.

3.2.2 Perlaksanaan Perkawinan

Setelah syarat kedua belah pihak mencukupi dan dipenuhi barulah Imam atau pendaftar meneruskan langkah seperti mana berikut:

- 1) Mengisi borang keterangan nikah yang disediakan (lihat lampiran P,Q,R,dan W) nama pengantin lelaki, perempuan, wali, saksi, yang mengakad nikah dengan berpandukan kepada dokumen diatas yang disertai oleh kedua-dua belah pihak. Ia merangkumi tempat berkahwin, tarikh dan maskahwin.
- 2) Setelah selesai, barulah ia dimulai dengan majlis akad nikah dengan mewakilkan wali kepada imam atau pendaftar (jika wali tidak mengahwinkan sendiri) dengan berpandu kepada lafadz ijab qabul yang telah disediakan oleh pihak M.A.I.N (lampiran I)
- 3) Membaca *ta'liq* setelah selesai dari *ijāb* dan *qabūl* pengantin lelaki diwajibkan membaca lafadz *ta'liq* yang disediakan dalam keterangan nikah di hadapan pendaftar atau imam. Lafaz *ta'liq* nya ialah;⁵³

*Jikalau oku tidak sekudukan dengan isteriku (nama)
atau tidak dapat sekedudukan dengan dia seperti
suami isteri lain kerana kesalahanku atau*

keuzuranku terhadapnya lebih dari enam bulan dan mendakwa ia kepada Qādī atau kamakam Islam pracam changwat atau imam serta mendatang dua saksi yang mensabitkan dakwaannya itu maka tertolaklah ia dengan satu talak dan tiap kali aku rujuk akan dia dengan ketiadaan redhanya maka tertalaklah ia satu ḫalāq pula

Lafaz Ta'liq ini adalah diwajibkan pihak lelaki membacanya dihadapan Jurunikah atau pendafatar bagi mengawal kedudukan suami isteri dan mengelak dari berlaku Kezaliman dari pihak suami terhadp isteri.

Setelah selesai membaca ta'liq dikehendaki mereka yang mengakad nikah, lelaki, wanita, wali dan dua orang saksi menanda tangandi atas surat keterangan nikah. Surat keterangan ini akan diberi kepada pihak wanita dan dikira sahnya apabila ternyata dalam surat itu nombor pendaftaran dan ditandatangan oleh semua yang berkenaan di atas.

3.2.3 Prosedur Perkahwinan Warga Negara Thai melalui Wali Am

Perwalian merupakan syarat penting dalam urusan perkahwinan. Tanpa ada wali perkahwinan tidak akan sah. Pihak M.A.I.N sangat mengambil berat tentang kesahihan syarat-syarat wali ini dimana M.A.I.N telah mengeluarkan panduan tentang tasalsul wali nasab bagi perkahwinan.(lihat lampiran J)

⁵³ Surat keteangan nikah (lampiran Z)

Berdasarkan kepada hadis Rasulullah (S.AW) yang diriwayatkan oleh ‘Āisyah (R.A)

عن عائشة رضي الله عنها أن رسول الله صلى عليه وسلم قال " ثم لانكاح الا بولي

وشاهدني عدل وما كان من نكاح ذلك فهو باطل فان تشارجو فالسلطان ولي من لا ولي له

(رواه ابن حبان)

Yang bermaksud “Dari pada ‘Āisyah (R.A) bahwa Rasulullah (S.A.W.) bersabda “Kemudian tidak harus Nikah melainkan ada wali dan dua orang syaksi yang adil, perkahwinan yang dilakukan tanpa demikian adalah batil (tidak sah), dan sekiranya berlaku pertengkaran (berbalah) maka pihak yang berkuasa (Raja) adalah wali bagi mereka yang tidak ada wali”⁵⁴

Berdasar kepada hadis ini, bagi pengantin wanita yang tidak ada wali nasab atau walinya ada tetapi engan berkahwin atau berada jauh lebih dari dua marhalah dari tempat berkahwin. Pihak M.A.I.N telah menetapkan cara perkahwinannya melalui Wali Am. Wali-wali Am yang bertauliah akan melangsungkan perkahwinan merika di M.A.I.N menurut syarat-syarat yang ditetapkan oleh badan munakahat.

53 Muhammad bin Habban,(1993) *Şâfiîh Ibnu Ihabân bi tartîb Ibni Balbân* Berut: Muassah al-Risalah Juzuk 18 hal 386

Perlantikan Wali Am di M.A.I.N adalah melalui keputusan mereka yang di panggil sebagai *Ahli halli wall 'aqdi* (أهـل الـحـلـ وـالـقـدـ) yang mewakili masyarakat Islam di wilayah Narathiwat telah melantik Dato' Hj Wan Husin bin Hj Wan Abd. Rahman sebagai *Qādī Syar'eī Darūrī* bagi umat Islam di wilayah Narathiwat. Sebagai memperkuatkan diatas pelantikan yang telah buat oleh ayahanda Hj Abd.Rahman yang telah meninggal dunia. Ayahandanya adalah merupakan Wali Am yang telah dilantik oleh Raja Melayu Raanget semasa penubuhan M.A.I.N pada tahun 1946. Hj Husin bin Abd. Rahman yang dilantik sebagai Wali Am akan memberi tauliah kepada mereka yang dicadangkan nama oleh pihak ahli jawatankuasa M.A.I.N seramai 29 orang sebagai wakil Wali Am di M.A.I.N.⁵⁵(lihat lampiran E)

3.2.4 Syarat Pasangan Yang Berkahwin Dengan Wali Am

Bagi pasangan yang hendak berkahwin dengan menggunakan Wali Am itu mesti memenuhi syarat-syarat berikut:⁵⁶

- 1) Pasangan mesti berkahwin di pejabat M.A.I.N sahaja dengan membawa bersama
 - i. Kad Pengenalan (asal dan salinan).
 - ii. Dua orang saksi.
 - iii. Surat kematian suami dan nikah asal (jika janda).

⁵⁵ Temubual dengan Dato' qadi Hj.Nik Wan Ali Hj Niklah pada 1 May 2003 dan Hj Abd. Rahman Abd. Samad Yang Dipertua M.A.I.N pada 5 May 2003.

⁵⁶ Temu bual dengan Ust. Abd. Rahaman Pula yama dan Hj Daud bin Saman pada 3 Ogos 2001

- iv. Surat cerai asal.
- 2) Pasangan mesti berumur tidak kurang dari 16 tahun bagi wanita dan 18 tahun bagi lelaki.
- 3) Wali nasabnya tiada atau berada jauh dari M.A.I.N lebih dari dua marhalah (96km).
- 4) Pasangan hendaklah setaraf (sekufu).
- 5) Kedua pihak dikehendaki mengisi borang permohonan yang disediakan oleh pendaftar. Iaitu :
- i. Borang pengantin lelaki (lampiran p) menyatakan nama, alamat, tujuan, nama saksi dan tandatangan.
 - ii. Borang wanita (lampiran Q) menyatakan nama, alamat, status diri yang disertai dengan surat cerai dan ikrar mengakui tentang pilihan dan kehendak diri (tidak dipaksa) dan tanda tangan.
- 6) Lelaki dipastikan membaca ta'lîq sepertimana yang terkandung dalam surat keterangan nikah (lampiran Z)

Dari prosedur di atas kita dapati bahawa segala syarat yang ditentukan oleh M.A.I.N itu adalah salah satu proses untuk mempastikan kesahihan rukun nikah dan syarat yang ditentukan oleh Islam.

Dalam soal perwalian misalnya, M.A.I.N mempunyai peraturan, sebelum ia diambil tindakan untuk berpindah ke Wali Am. Pendaftar akan memeriksa satu persatu bagi perempuan yang tidak mempunyai wali dengan menyiasat tempat

duduk wali asal, ini dilakukan bagi memastikan cukup dari dua marhalah (96 km).

Bagi wanita pula, pihak M.A.I.N akan menyiasat kesahihan wanita tentang status diri, janda atau dara. Jika dara berapa umurnya, bagi janda pula mesti membuktikan kesahihan jandanya dengan surat cerai yang asal dan jika janda yang kematian suami pula M.A.I.N akan melihat surat kematian suami bersama surat nikah asal dengan bekas suaminya. Ini adalah mengawal dari penipuan tentang masa bercerai dari tamat ‘iddahnya atau belum.

Bagi pengantin wanita yang mempunyai wali (wali tidak ada bersama) ia mesti berikrar di hadapan pendaftar dengan sumpah bahawa beliau dalam keadaan yang sihat dan normal serta bersetuju dengan sukarela untuk berkahwin dengan calon suaminya (bukan dipaksa). Siasatan ini dilakukan untuk mengelak dari tuduhan dengan bahawa perempuan berkahwin kerana dipaksa atau kena sihir dan sebagainya.

3.2.4 Prosedur Perkahwinan Warga Negara Asing

Selain dari prosedur yang berkaitan dengan perkahwinan dan percerian warga negara Thai, pihak M.A.I.N ada menerima kunjungan dan kehadiran warga negara asing ke Narathiwat untuk melangsungkan perkahwinan mereka. Kebanyakan mereka adalah pasangan yang datang dari Negara Malaysia (kahwin lari), dari sebab-sebab tertentu seperti pasangan tidak dapat persetujuan dari wali, kahwin poligami, yang sukar mendapat keizinan dari isteri pertama menurut

undang-undang kekeluragaan di negara Malaysia. Kira-kira sembilan puluh pasangan pada setiap bulan yang terdiri dari 33.33% dari pasangan yang berpoligami, 22.22% dari pasangan yang wali enggan berkahwin, 33.33% dari pasangan yang datang bersama wali dan 11.11% dari pasangan yang datang semata-mata untuk berkahwin di M.A.I.N.⁵⁷

Berdasarkan kepada persetujuan di antara M.A.I.N dan Majlis Agama Islam di Malaysia kedua belah pihak telah bersetuju untuk menerima segala keterangan dan dokumen dari kedua belah pihak apabila pasangan itu berkahwin dimana-mana tempat di Malaysia atau Thailand. Bagi syarat untuk menerima keterangan surat nikah mestilah M.A.I.N mengeluarkan pengesahan ke atas surat nikah asli yang di tandatangan oleh Pegawai tertentu.⁵⁸

Pasangan warganegara Malaysia yang berkahwin di M.A.I.N perlu mendapat surat keterangan nikah dan surat pengesahan dari M.A.I.N bagi membolehkan mereka mendaftar perkahwinan mereka di negara asal dengan dikenakan denda di antara RM 300 hingga RM 1000 kepada Mahkamah syar'ei memnurut syarat-syarat dan prosedur yang di tetapkan oleh Mahkamah di Malaysia.⁵⁹

3.2.5 Prosedur Perkahwinan Warganegara Asing Yang Menggunakan

Wali Nasab

⁵⁷ Lihat: Ishak bin Muhamad (2003) "Kahwin lari: pengalaman Majlis agama Islam selatan Thailand (Narathiwat)" kertas kerja saminar isu-isu Mahkamah Syariah IV kahwin lari: Masalah & dan penyelesaian 22 February 2003 di Mahkamah MUT UIAM. hal. 3. Dan liputan berita mingguan (lihat lampiran JJ)

⁵⁸ Lihat surat Yang Dipertua M.A.I.N kepada tuan Hj Mukhtar bin Hj Mohamad Hakim Syar'ei di pejabat Qadi negeri Kelantan (Nama yang berhak menanda tangan dalam surat pengeahan nikah lampiran H)

⁵⁹ Ishak Muhamad .Op. Cit hal 4

Bagi pasangan warganegara asing yang berkahwin di Narathiwat dan ingin mendapat surat keterangan nikah dan pengesahan, pasangan mesti mematuhi prosedur yang telah ditetapkan oleh M.A.I.N. Di antaranya ialah:

1. Bagi wanita yang mempunyai wali Nasab ia mesti membuktikan kesahihan dengan menyertakan:
 - I) Kad pengenalan asal dan salinan.
 - II) Wali nasab berserta kad pengenalan
 - III) Document menyatakan status diri (dara, bujang atau janda) seperti surat cerai asal, surat kematian suami berserta surat nikah dengan suami yang meninggal itu.
 - IV) Mengisi borang ikrar (perakuan sumpah) wanita (lampiran T)
 - V) Dua orang saksi berserta kad pengenalan asal
 - VI) Saksi dikehendaki mengisi borang pengakuan saksi (lampiran U)
2. Pasangan wanita yang mempunyai Wali nasab untuk melangsungkan perkahwinan dan mendapat surat nikah mereka boleh berkahwin di hadapan pendaftar atau mana-mana imam yang bertauliah dari M.A.I.N.

3. Dalam majlis akad nikah Imam atau Pendaftar akan melaksanakan langkah seperitmanya yang dilaksanakan kepada warganegara Thai.⁶⁰
4. Imam akan menemu duga tentang pengetahuan asas (*fardhū āin*) bakal pengantin atau mereka membuktikan sijil kursus perkahwinan yang disertai.
- b) Mengisi borang berpandukan dokumen asal.
- c) Menjalankan akad nikah.
- d) Membaca lafaz *ta'liq* yang terkandung dalam surat keterangan nikah.⁶¹
5. Setelah pasangan melangsungkan perkahwinan dan mendapat surat ketetapan nikah, bagi bukan warganegara Thai surat nikah itu tidak boleh digunakan untuk tujuan mendaftar perkahwinan di negara asal mereka jika tidak mendapat surat pengesahan dari M.A.I.N. Untuk mendapat surat pengesahan nikah (M.A.I.N) pasangan mesti mematuhi syarat-syarat berikut :
- I) Pasangan lelaki dan perempuan mesti datang ke pejabat M.A.I.N.
- II) Hendaklah bersama dengan Imam yang berkahwin
- III) Membawa surat nikah asal dan salinan.
- IV) Bagi perempuan yang janda hendaklah disertakan surat cerai atau surat kematian suami berserta surat nikah.

⁶⁰ Langkah pelaksanaan akad nikah adalah sama diantara warganegara Thai dan warganegara Asing kecuali warganegara Asing diwajibkan mengisi borang ikrar dan bersumpah bahwa segala kenyataan yang diberi adalah benar sebelum melangsungkan majlis akad.

⁶¹ Lafaz *ta'liq* bagi bukan warga negara Thai dengan lafaz yang digunakan oleh warganegara Thai berbeza pada perkataan "Masa yang tidak sekudukuan dari 6 bulan kepada 4 bulan (lihat lampiranZ)

- IV) Kad pengenalan wali (asal dan salinan).
- V) Kad pengenalan lelaki dan perempuan (asal dan salinan).
- VI) Setiap pasangan hendaklah mengisi borang yang disediakan oleh M.A.I.N (lihat lampiran L)

3.2.6 Prosedur Perkahwinan Warga Negara Asing menggunakan Wali Am

Bagi warganegara asing yang berkahwin tanpa wali di Narathiwat. Pihak M.A.I.N telah menggariskan prosedur untuk mendapat keterangan nikah dan surat pengesahan yang dikira sah disisi undang-undang seperti mana berikut :

1. Kedua-dua pasangan mesti datang berkahwin di Pejabat M.A.I.N.
2. Jika walinya ada berjauhan disyaratkan walinya berada lebih dari dua marhalah (96km) dari Pejabat M.A.I.N.
3. Perkahwinan itu akan dilangsungkan oleh Wali Am yang dilantik dan bertauliah sahaja.
4. Kedua-dua pasangan hendaklah mengisi borang yang telah disediakan oleh M.A.I.N iaitu borang:
 - I. Permohonan untuk lelaki (lihat lampiran S)
 - II. Permohonan untuk perempuan (lampiran T)
 - III. Permohonan surat pengesahan nikah (lihat lampiran V)
5. Pasangan hendaklah membawa dua orang saksi berserta kad pengenalan. Dan keduanya mesti mengisi borang pengakuan saksi (lampiran U)

6. Pasangan mesti membuktikan kesahihan dan statusnya dengan membawa:
 - I. Kad Pengenalan
 - II. Surat cerai asal dan salinan (jika janda)
 - III. Surat kematian suami bagi yang janda
7. Pasangan mesti berumur tidak kurang 18 Tahun (lelaki) dan 16 tahun (wanita)
8. Bagi mendapatkan surat pengesahan adalah sama dengan syarat yang lepas (lihat lampiran K).

3.2 Prosedur perceraian Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat

Tujuan perkahwinan pada asalnya adalah untuk kekal hidup berdua sampai akhir hayat. Tetapi kadang kala tujuan itu tidak boleh diteruskan kerana terdapat punca-punca yang menyebabkan perkahwinan terungkai dan berlakunya perceraian antara kedua-dua suami isteri.

Agama Islam sangat mengawasi agar perkara ini tidak mudah berlaku sehingga berlaku perceraian. Sekiranya berlaku, sudah pasti ia membawa kepada punca berlakunya gejala buruk dalam masyarakat terutamanya kepada anak-anak yang menjadi mangsa perceraian. Mereka akan kehilangan kasih sayang dan tempat bergantung setelah ibu bapa mereka berpisah. Tambahan pula terdapat pasangan yang tidak bertanggungjawab, menyebabkan anak-anaknya terpaksa hidup terbiar dan berkeliaran tanpa didikkan. Justeru, Islam menggalakkan umatnya perlu

bijak dalam menyelesaikan isu rumah tangga dan menjadi talak adalah alternatif terakhir kepada sesuatu masalah yang tiada lagi jalan penyelesaiannya.

Sehubungan itu, pihak (M.A.I.N) cuba mengatur prosedur-prosedur agar umat Islam di wilayah Narathiwat berada di bawah peraturan mengikut ajaran Islam dan dapat mengawal supaya perceraian itu tidak boleh dilakukan mengikut suka hati dan kehendak nafsunya.

Oleh itu, pihak M.A.I.N bertanggungjawab mengeluarkan dokumen bagi kenyataan rasmi untuk pasangan dan boleh didakwa di mahkamah mengikut undang-undang bagi perkara-perkara yang berkaitan selepas mereka bercerai termasuklah perkara yang berkaitan dengan pembahagian harta sepencarian, kenyataan iddah selepas bercerai dan hak penjagaan anak-anak. Pasangan yang ingin bercerai mestilah mematuhi perosedur yang telah di gariskan oleh pihak M.A.I.N.

Prosedur-prosedur yang di gariskan itu boleh dibahagikan seperti berikut:

- 3.3.1 Prosedur perceraian dengan menggunakan lafaz *Talāq*.
- 3.3.2 Prosedur perceraian dengan lafaz *ta'liq*
- 3.3.3 Prosedur perceraian dengan cara fasakh oleh hakim.

3.3.1 Prosedur perceraian dengan menggunakan lafaz talāq

Syari'at Islam, telah menetapkan bahawa hak talak adalah berada di tangan suami. Hak ini diberikan kepada pihak suami, memandangkan tabiat lelaki

yang agak penyabar, berfikiran terbuka dan bertimbang rasa serta lebih bertangung jawab terhadap perkara itu dari pihak isteri. Dengan hak yang diberikan itu, pihak suami boleh menjatuhkan talāq terhadap isterinya bila-bila masa samada talaq itu dilafazkan oleh suami sendiri atau dengan cara memberi wakil kepada orang lain untuk melakukan bagi pihak dirinya yang dikenali sebagai wakil talāq (*tawkil al -Talāq*) atau dengan cara menyerah kuasa talaqnya itu kepada isterinya untuk menjatuhkan talaq yang dikenali sebagai serah kuasa talaq (*Tafwid al -Talāq*).

Oleh itu, seorang suami sepatutnya berfikir dengan lebih teliti terhadap tanggungjawab dan kesan buruk kepada anak-anak sekiranya berlaku perpisahan atau perceraian di antara pasangan suami isteri.

Walaupun kuasa talaq ini adalah di tangan suami, pihak M.A.I.N. telah menentukan prosedur agar pihak suami tidak menggunakan haknya dengan sewenang-wenangnya mengikut hawa nafsu. Syarat-syarat yang ditentukan oleh Pihak M.A.I.N untuk mendapat surat keterangan cerai dari M.A.I.N pasangan mestilah mematuhi antara nya ialah.⁶²

1. Pihak suami mesti membuat permohonan kepada pihak M.A.I.N untuk berpisah dengan cara aman di hadapan pendamaian dengan mengisi borang yang disediakan oleh Pihak M.A.I.N.

⁶² Temu bual dengan Hj Abd. Hamid Saleh Naib Yang Dipertua M.A.I.N dan ketua bahagian Perceraian , Hj Abd. Samad Dosamad Bahagian Pendamaian M.A.I.N pada 28 Ogos 2001

2. Pihak pendamai akan mula langkah dengan menyiasat sebab-sebab dan punca untuk bercerai. Setelah itu, pendamai akan mengambil langkah dengan berusaha untuk menyelesaikan masalah yang berlaku.
3. Sekiranya, tidak mempunyai jalan pendamaian Pihak M.A.I.N akan menimbulkan permohonannya dan akan menyerah borang permohonan itu kepada pihak isteri untuk mendapat persetujuan berpisah secara aman dan membolehkan suami berlafaz cerai di hadapan pendaftar.
4. Setelah diteliti dengan baik barulah pendaftar menyerah kepada suami atau wakil untuk berlafaz cerai dengan satu talaq di hadapan pendaftar atau imam⁶³
5. Setelah berlafaz pihak M.A.I.N akan mengeluarkan surat keterangan cerai yang ternyata padanya masa / tarikh / jumlah talāq dan ditandatangani oleh suami / isteri dan pengawai pendaftar atau imam.(lihat lampiran AA)
6. Surat cerai yang asli akan di serahkan kepada pihak isteri dan satu salinan nya untuk bekas suami.

⁶³ *Lafāz tālāq* akan diajar oleh pihak M.A.I.N. untuk berlafaz

3.3.2 Prosedur perceraian dengan *ta'liq*

Talak *ta'liq* ialah talak yang dilafazkan oleh pihak suami terhadap isteri nya dengan meletakkan syarat-syarat tertentu. Apabila syarat tersebut dilanggar maka jatuhlah talak isteri itu.⁶⁴

Mengikut prosedur pernikahan M.A.I.N. dan undang-undang kekeluargaan Islam yang dipakai Mahkaman Syra'ei Wialyah Narathiwat, setiap lelaki yang berkahwin di wilayah Narathiwat mesti membaca ta'liq setelah selesainya akad Nikah di hadapan pendaftar atau imam qariyah yang disaksikan oleh pendaftar dan dua orang saksi.

Tujuan prosedur diadakan ialah semata-mata untuk menjaga kedudukan rumah tangga supaya agar tidak berlaku kezaliman dari pihak suami terhadap isteri Umpamanya, pengabaian suami dari segi nafkah zahir dan batin, layanan yang tidak sempurna, mengawasi daripada berlakunya kekerasan suami terhadap isteri secara zalim atau meninggalkan isterinya tanpa sebab lebih dari masa yang sepatutnya.⁶⁵

Berlafaz *ta'liq* dengan lafaz yang disediakan oleh M.A.I.N ini (lihat lampiran Z), merupakan prosedur yang telah ditetapkan oleh M.A.I.N kepada suami di hadapan pendaftar perkahwinan setelah selsai *Ijāb qabul* dan mesti diikuti dengan tandatangannya, pendaftar, dan saksi (lihat lampiran N). Dengan *ta'liq* yang dilafazkan oleh suami ini akan menjadi keterangan bagi pihak perempuan

⁶⁴ Ahmad Ghandür (1992) *Āḥwa l-āl-Šyakḥ šiḥḥ fī al-Taṣrī’ iṣlāmī* : Kuwert : Maktabah al-Fallāḥ

untuk mengadu kes-kesnya di Majlis Agama Islam dan Mahkamah syar'ie Wilayah Narathiwat.

Bercerai dengan lafaz *ta'līq* ini akan berlaku apabila pihak lelaki melakukan kesalahan atau perkara yang disebut dalam *ta'līq* nya dan pihak wanita mendakwa di hadapan qadi atau ahli jawatan kuasa M.A.I.N.

Bagi perlaksanaan cerai pihak M.A.I.N pula akan menjalankan langkah-langkah seperti mana berikut :⁶⁶

- 1) Pengaduan itu mesti di buat oleh isteri sendiri di M.A.I.N
- 2) Bersama dengan Imam qaziyah dan Surat nikah asli yang ternyata tandatangan suami membaca *ta'līq*
- 3) Dua orang saksi lelaki yang mengetahui perkara –perkara berikut ;
 - I) Sejarah usul asal perkahwinan kedua (suami isteri) nya
 - II) Perangai kedudukan dua belah pihak suami isteri
 - III) Masa yang di tinggal (halak pajang) di antara kedua (suami isteri)
- 4) Pihak isteri mesti mengisi borang pengaduan *ta'līq* yang di sediakan oleh M.A.I.N. Yang menyatakan butir-butir berikut: (lihat lampiran DD)

hal. 417

⁶⁵ Temu bual dengan Hj Abd. Hamid Saleh pada 28 Ogos 2001

⁶⁶ Temu bual dengan ust. Mustapa Yusuf Pegawai (M.A.I.N) Bahagian Percerian pada 28 Ogos 2001

- I) Tarikh dakwan
- II) Nama pendakwa dan alamat.
- III) Nama yang kena dakwa (Suami).
- IV) Ikrar perkahwinan dan kenyataan surat nikah
- V) Pengaduan bahwa suaminya telah halang pajang dia lebih dari enam bulan.
- VI) Menyatakan perkara yang terjadi serta menyatakan nama dua orang saksi yang menyaksikan nya.

- 4) Pihak saksi akan mengisi borang kenyataan saksi (Lampiran R)
- 5) Pihak lujnah pendamaian M.A.I.N akan menimbangkan permohonan itu dan akan menjalankan siasat kesahihan terhadap butir yang ternyata dalam borang pengaduan dan borang pengakuan dua orang saksi.
- 6) Setelah butir ternyata dengan betul pihak pendamai M.A.I.N akan menhantar notis pengaduan isteri kepada suami sepayang hadir ke M.A.I.N dalam tempoh satu bulan, untuk berdamai (lampiran FF)
- 7) Sekiranya pihak lelaki tidak hadir ke M.A.I.N dalam tempoh itu pihak M.A.I.N akan menghantar notis kali kedua dan ketiga.
- 8) Selepas notis ketiga sampai ketangan suami dan tidak juga ia datang bicara maka pihak pendamai M.A.I.N akan mengambil langkah seterusnya iaitu

menyatuhkan talaq nya dengan ta'līq itu satu talaq raj'i dan akan mengeluarkan surat kenyataan cerai kepada bekas isteri yang asli dan satu salinan untuk bekas suaminya. (lihat lampiran BB)

3.3.3 Prosedur Perceriaan Secara Fasakh :

Penceriaan secara fasakh adalah satu cara yang disyariatkan oleh Islam. Kuasa ini berada di tangan pihak isteri. Penceriaan akan berlaku apabila pihak perempuan membuat pengaduan kepada hakim lantaran kelakuan suaminya yang berbentuk kezaliman sehingga menyebabkan isteri mengalami kecacat dan suamai enggan bercerai.

I. Pengertian fasakh

Fasakh dalam pegertian bahasa ialah merosakkan atau membatalkan. Fasakh yang dimaksudkan, ialah pembatalan perkahwinan oleh hakim atas permintaan dari isteri kerana sebab-sebab yang di izinkan oleh syarak. Alasan yang diperbolehkan seorang isteri menuntut faskh ialah:

- I) Suami sakit gila
- II) Suami menderita penyakit menular yang tidak di harapkan sembuh.
- III) Suami tidak mampu atau kehilangan kemampuan untuk melakukan hubungan kelamin.
- IV) Suami tidak mampu memberi nafkah pada isteri .

- V) Isteri merasa tertipu baik dalam soal nasab kekayaan atau kedudukan suami.
- VI) Suami pergi tanpa ketahui tempat –tempat tinggal nya dan tanpa berita , sehingga tidak diketahui hidup atau mati dan waktunya sudah cukup lama.⁶⁷

Cara melaksanakan faskh ialah si isteri hendaklah membuat pengaduan tentang diri suaminya dengan sebab–sebab tertentu. Setelah pengaduan itu sampai kepada qadi, pihak qadi akan menjalankan penyiasatan yang adil. Kemudian si suami akan dipanggil untuk dibicarakan. Jika suami tidak hadir dalam permbicaraan itu biasanya hukuman akan dijatuh iaitu permohonan fasakh dari pihak isteri diluluskan .

Hukum perceraian secara faskh ini adalah dikira sebagai *talāq bā'in suhgrā*, pihak suami tidak dapat rujuk isterinya kembali. Jika pasangan tersebut ingin kembali keduanya harus melalui ikatan perkahwinan yang baru. Perceraian melalui fasakh tidak mengurangi hak talak dan suami tetap mempunyai hak talāq sebanyak tiga kali.⁶⁸

⁶⁷ Lihat Abd. Majid Mahmud Matlub (1995) *al-Wajīz fi Aḥkām al-Usrah al-Islāmiyah*, , Kaherah : Ma'had al-Dirāsād Islāmiyah, hal. 245

⁶⁸ *Ibid*, hal 245

II. Prosedur perceraian secara fasakh di M.A.I.N⁶⁹

Prosedur perceraian secara faskh ini, pihak M.A.I.N tidak menyebutnya secara jelas tentang peraturan-peraturannya memandang kes hampir tidak berlaku. Pihak M.A.I.N merasakan syarat perkahwinan dengan mewajibkan pihak lelaki membaca *ta'liq* semasa akad itu sudah mencukupi.

Sekiranya pasangan yang berkahwin tidak membaca *ta'liq* semasa akad, mereka tidak boleh diberikan surat keterangan nikah. Segala kemungkinan yang berlaku semasa menjalani alam rumah tangga, pasangan tersebut tidak boleh merujuk kepada M.A.I.N. tetapi perlu dirujuk kepada mahkamah sivil bahagian undang-undang kekeluargaan Islam yang digunakan di mahkamah tersebut.

⁶⁹ Temu bual dengan Hj Abd. Hamid Saleh pada 28 ogust 2001